

Yang di-Pertuan Agong pandang serius isu rasuah

Ridauddin Daud
Februari 28, 2022



Al-Sultan Abdullah berkenan mencemar duli menyempurnakan Istiadat Pembukaan Mesyuarat Pertama Penggal Kelima Parlimen ke-14, di Dewan Rakyat pada Isnin. - Gambar BERNAMA

KUALA LUMPUR: Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah bertitah, Baginda memandang serius isu rasuah yang berlaku di Malaysia.

Titah Al-Sultan Abdullah, isu rasuah harus diberi perhatian terutamanya dalam membina sebuah negara bangsa yang telus dan berintegriti.

"Beta percaya kerajaan sedang melaksanakan dasar dan inisiatif Pelan Antirasuah Nasional menerusi tindakan penguatkuasaan, pencegahan dan pendidikan bagi membanteras segala bentuk jenayah rasuah.

"Kerajaan juga sedang menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan melalui inisiatif Kerajaan Digital secara *end-to-end* supaya lebih telus, cekap dan profesional," titah Al-Sultan Abdullah pada Istiadat Pembukaan Mesyuarat Pertama Penggal Kelima Parlimen ke-14 di Dewan Rakyat di sini, hari ini.

Dalam pada itu, Seri Paduka Baginda turut menzahirkan penghargaan di atas perkhidmatan semua petugas barisan hadapan negara dan agensi kerajaan sehingga menjadikan Malaysia negara aman dan makmur.

"Sumbangan mereka ini amatlah besar dan *'beyond the call of duty'*. Semoga semua penjawat awam terus komited, berdedikasi dan fokus untuk sentiasa menambah baik kualiti perkhidmatan demi kesejahteraan rakyat Beta.

"Dalam masa yang sama, kebajikan anggota perkhidmatan awam juga hendaklah terus dibela baik daripada segi kesihatan, pendidikan, perumahan dan bantuan kebajikan.

"Ia perlulah merangkumi anggota yang sedang berkhidmat mahupun yang telah bersara termasuk veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM)," titah Yang di-Pertuan Agong.